

MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN LEPAS PUKUL 5.30 PETANG INI - 15 OKTOBER.)

DARI HASHIM MAKARUDDIN

1979

STOCKHOLM, 15 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KEUPAYAAN MALAYSIA MENYEDIAKAN TAPAK KUKUH BAGI PERINDUSTRIAN PEMBUATAN JAUH MELEBIHI ANJURAN YANG DIBUAT OLEH PARA PERANCANG EKONOMINYA.

MALAYSIA TELAH MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI DI SAMPING TERUS MENGAMALKAN DEMOKRASI YANG BERKESAN, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DI SATU SEMINAR PELABURAN MALAYSIA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENGETUAI ROMBONGAN PERDAGANGAN SELAMA TIGA HARI DI SINI SELEPAS MENGADAKAN SEMINAR SERUPA ITU DI ZURICH, BERKATA RAMAI USAHAWAN YANG BERPANDANGAN JAUH MENDAPATI MALAYSIA SEBAGAI PUSAT YANG MENGUNTUNGKAN BAGI PELABURAN.

KATANYA PELABURAN SWASTA, TERMASUK PEMODAL-PEMODAL ASING, TELAH DIBERIKAN PERANAN PENTING DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA SEKARANG. -- BERSAMBUNG 1652/YF
MAHATHIR 2 STOCKHOLM (EMBARGO)

INI TERBUKTI DENGAN MATLAMAT RANCANGAN ITU UNTUK MENDAPATKAN PELABURAN BERJUMLAH AS\$20,900 JUTA (\$43,800 JUTA MALAYSIA) OLEH KEDUA-DUA SEKTOR AWAM DAN SWASTA.

DARI \$12,500 JUTA (AMERIKA) BAGI PELABURAN SWASTA, \$4,500 JUTA (AMERIKA) IALAH DALAM SEKTOR PEMBUATAN.

KETIKA MENYEBUT TENTANG KEJAYAAN EKONOMI MALAYSIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA NEGARA ITU MENGALU-ALUKAN PARA PELABUR MENANAM MODAL UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA MALAYSIA DI WAKTU YANG SAMA MENGHARAPKAN PARA PELABUR, ASING DAN TEMPATAN, MEMBERIKAN SUMBANGAN POSITIF KE ARAH PERTUMBUHAN KESEJAHTERAAN NEGARA ITU. -- BERSAMBUNG

MAHATHIR 3 STOCKHOLM (EMBARGO)

130

+PEMERAS KAPITALIS YANG GELOJOH YANG MEMBOLOT SEGALA-GALANYA DAN TIDAK PULA MENGHULURKAN SEBARANG SESUATU TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT DALAM MASYARAKAT MODEN, + KATANYA.

DALAM USAHANYA MENYEDIAKAN PUSAT KEUNTUNGAN KEPADA PARA PELABUR ASING, KERAJAAN MEMPUNYAI BEBERAPA DASAR DAN GARIS PANDUAN TERTENTU BAGI PENYERTAAN EKUITI DALAM PENANAMAN MODAL DI MALAYSIA.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA USAHAWAN DAN AHLI PERNIAGAAN SWEDEN BAHAWA GARIS PANDUAN DAN DASAR-DASAR ITU TIDAK AKAN MENJEJAS KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN KEUNTUNGAN PERNIAGAAN MEREKA.

KERAJAAN MALAYSIA BERSEDIA MENERIMA SEMUA PANDANGAN SELAGI KEUNTUNGAN DINIKMATI BERSAMA ANTARA PELABUR DAN JUGA MALAYSIA SEBAGAI TUAN RUMAH YANG SENTIASA SEDIA MENERIMA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERI JAMINAN KEPADA BAKAL-BAKAL PELABUR BAHAWA MALAYSIA TIDAK AKAN MEMILIKNEGARAKAN PERUSAHAAN YANG DIMILIKI OLEH PEMODAL-PEMODAL ASING DAN MENEKANKAN BAHAWA NEGARA ITU MERUPAKAN TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MELABUR. -- BERSAMBUNG 1600/YF

B556

MAHATHIR 4 STOCKHOLM (EMBARGO)

KATANYA TAMATNYA PEPERANGAN DI VIETNAM TIDAK MENGUBAH KEADAAN ITU ATAUPUN PERTEMPURAN ANTARA CHINA DENGAN VIETNAM MENJEJAS KEDUDUKAN MALAYSIA.

WALAUPIUN MASALAH PENDATANG HARAM VIETNAM DI MALAYSIA AGAK RUNCING, BELIAU MENYATAKAN BAHAWA KESELAMATAN NEGARA ITU TIDAK LANGSUNG TERJEJAS. -- BERNAMA 1603/YF